










Sari Pustaka



SARI PUSTAKA
BIL.2/2019

ULASAN BUKU



USTAZ JAFRI ABU BAKAR
MAHMOODI & USTAZ HAMID ADDIN
**Amalan Yang Mengundang Rahmat
Allah**
Batu Caves, Selangor: PTS Publishing
House Sdn. Bhd., 2019.
ISBN: 978-967-481-269-0

ULASAN

Rahmat Allah SWT adalah penting dalam kehidupan seorang muslim. Rahmat ialah kebaikan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambanya dari pelbagai aspek termasuk kesihatan tubuh badan, kecukupan keperluan, minda yang cerdas dan sebagainya. Rahmat Allah SWT boleh dilihat dalam pelbagai bentuk sama ada petunjuk dan hidayah, rezeki, ampunan dosa dan juga perlindungan.

Setiap manusia mempunyai hajat mereka yang tersendiri. Adakalanya Allah SWT memakbulkan doa mereka dan sebaliknya. Allah SWT tidak akan makbulkan setiap doa kita melainkan dengan kesesuaian kita. Oleh yang demikian, kita perlu menanam dalam diri sifat Qanaah iaitu rela dan redha dengan setiap ketentuan yang Allah SWT tetapkan untuk kita. Ini kerana, yang baik bagi kita adalah bukan yang terbaik buat kita dan sebaliknya. Allah SWT Maha Mengetahui dengan

setiap apa yang ditentukan. Apa yang Allah SWT berikan kepada kita adalah cukup dan sesuai dengan kehendak kita.

Penulis menyampaikan setiap hujah berdasarkan dalil dan hadis sahih yang dapat menguatkan hujah beliau. Penulis juga memberi contoh dalam jalan cerita yang cukup mudah untuk difahami kerana setiap yang diceritakan adalah berkaitan dengan kehidupan seharian kita sebagai muslim. Membaca buku ini umpama dapat menjentik hati kita yang leka dengan kehidupan duniawi.

Adakalanya nikmat dan kekayaan yang Allah SWT berikan kepada manusia bukanlah atas dasar rahmat dan kasih sayang Allah SWT tapi itu adalah istidraj. Menurut penulis, apa yang kita hajati dimakbulkan sedangkan kita semakin jauh dari Allah SWT, itu adalah nikmat dunia iaitu bahana istidraj. Ringkasnya adalah seperti jika seseorang mendapat kekayaan ataupun kejayaan yang membawa dirinya jauh dari Allah SWT, itu adalah istidraj. Oleh yang demikian, penulis mengesyorkan untuk kita sentiasa istighfar dan memohon ampun daripada Allah SWT agar hati kita tidak lalai dengan nikmat yang Allah SWT berikan kepada kita.

Antara isi kandungan yang membuatkan pembaca ingin meneruskan pembacaan adalah apabila penulis mengajar pembaca bagaimana untuk mendekati diri kepada Allah SWT seterusnya mendapat rahmat daripada Allah SWT. Memang benar Allah SWT memberi rahmat kepada sesiapa yang dikehendakiNya, namun sebagai khalifah di muka bumi ini, kita harus mengetahui dan berusaha untuk mendapat rahmat Allah SWT dalam kehidupan seharian kita. Antara contoh yang penulis berikan adalah dengan membaca Al-Quran dan terjemahannya. Jika pembaca kurang faham mengenai tafsiran ayat Al-Quran, pembaca perlu merujuk kepada ustaz ataupun pakar dalam mendalami maksud ayat tersebut. Ini kerana, kadang-kadang manusia yang kurang ilmu akan membuat tafsiran mengikut akal mereka sahaja.

Selain daripada itu, penulis juga ada menyebut kita perlu selalu menjaga hubungan kita dengan Allah SWT. Setiap muslim haruslah melakukan setiap suruhanNya dan meninggalkan setiap laranganNya. Penulis juga mengajak pembaca agar menyintai Allah SWT lebih daripada segala-galanya. Ini adalah kerana apabila kita menyintaiNya, setiap apa yang kita lakukan kita akan berfikir adakah perbuatan kita diterima mahupun tidak oleh Allah SWT kerana kita ingin berikan yang terbaik untuk Allah SWT, yang paling kita cintai. Jika kita mencintai sesuatu, kita akan lebihkan masa kita bersamanya seperti seorang kekasih yang selalu ingin didampingi; jauh terasa rindu dan tidak puas ketika bersama-sama. Oleh itu, kita perlu praktikkan kasih sayang kita kepada Allah lebih daripada kasih sayang kita kepada kekasih.

Berselawat kepada Rasulullah SAW adalah antara amalan yang paling hebat yang perlu kita lakukan dalam rutin harian. Sesungguhnya Allah SWT dan MalaikatNya berselawat kepada Rasulullah SAW, oleh yang demikian, penulis menyeru agar semua pembaca selalu berselawat kepada Rasulullah SAW dengan penghormatan yang sepenuhnya. Selawat adalah amalan ringan yang boleh dilakukan pada bila-bila masa dengan ganjaran yang cukup besar buat yang berselawat. Apabila kita mendengar nama Nabi Muhammad SAW, teruslah berselawat kepadanya.

Memelihara wuduk dan selalu berada di dalam majlis ilmu juga akan meningkatkan keimanan kita kepada Allah SWT. Ini kerana amalan berwuduk bukan hanya menyucikan diri malah mampu menghapuskan dosa kita dan mampu mengangkat darjat manusia. Berada di dalam majlis ilmu umpama kita berada dalam taman-taman syurga, malah malaikat juga akan merendahkan sayapnya sebagai tanda keredhaan mereka kepada penuntut ilmu. Mereka yang suka berada di dalam majlis ilmu akan diberikan ganjaran syurga, ketenangan malah akan diberikan rahmat dan kasih sayang Allah SWT.

Walaupun kita banyak melakukan dosa, kembalilah kepada Allah SWT kerana Dia Maha Pengampun dan Maha Mengasihani. Rahmat dan pengampunan Allah SWT itu lebih besar daripada segalanya-galanya. Hidup di dunia ini adalah untuk mencari bekalan akhirat dan rahmat daripada Allah SWT.

Pengulas:

Shahruhaida Adayu Binti Mohd Paili
Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ANJALI ARORA
Ketahui Kesihatan Anda: 5 Langkah Untuk Mengawal Tekanan Darah Tinggi.
Johor : UTM Press, 2016.
ISBN 9789670798387

ULASAN

Pada era modenisasi ini, manusia tidak menitikberatkan soal kesihatan termasuklah beberapa penyakit yang boleh membawa maut. Tekanan darah tinggi diklasifikasikan sebagai salah satu pembunuh senyap. Tekanan darah tinggi biasanya tidak menunjukkan apa-apa simptom dan boleh menyerang orang ramai pada semua peringkat umur dan latar belakang. Sebanyak 25 peratus daripada populasi hari ini menghidap tekanan darah tinggi.

Buku ini menarik kerana mengandungi uji diri bagi menentukan sama ada pembaca berpotensi mengalami tekanan darah tinggi. Sekiranya pembaca berpotensi mengalami tekanan darah tinggi, pembaca boleh mendapatkan beberapa maklumat yang berguna melalui buku ini. Selain itu, pembaca juga boleh mendapatkan beberapa panduan untuk mengawal tekanan darah tinggi

yang dialaminya. Bahasa yang digunakan oleh penulis adalah mudah difahami oleh pembaca.

Melalui pembacaan buku ini, pembaca akan dapat memahami bagaimanakah tekanan darah diukur dan adakah ia normal atau tidak. Penulis juga telah menjelaskan dengan mendalam kategori tekanan darah tinggi dan sebab-sebab terjadi tekanan darah tinggi serta kesan besar akibat penyakit ini iaitu jantung mengepam terlalu kuat untuk tempoh masa yang terlalu lama, strok atau serangan lumpuh yang mana ia berlaku akibat arteri yang tersumbat di dalam otak. Seterusnya, buta atau cacat penglihatan berlaku apabila pembuluh darah halus di bahagian belakang mata pecah atau tersumbat. Kesan tekanan darah tinggi yang keempat adalah serangan jantung yang berlaku apabila bahagian otot yang bermasalah mengalami kebuluran oksigen dan kesan yang terakhir adalah penyakit ginjal yang mana boleh menyebabkan kerosakan pembuluh darah dan penapis dalam ginjal serta menyukarkan penyingkiran bahan buangan daripada tubuh.

Penulis ada menyatakan beberapa langkah untuk mengawal tekanan darah seperti pemeriksaan fizikal untuk memeriksa berat dan kadar jantung, melakukan ujian diagnostik seperti ujian darah, air kencing, elektrokardiogram dan sinar –X dada untuk menilai apa-apa kerosakan dan rancangan kawalan tekanan darah seperti pengubahsuaian gaya hidup. Pengubahsuaian gaya hidup seseorang pesakit boleh diubah dengan cara mengurangkan tahap tekanan, melakukan senaman dengan kerap, berhenti merokok, mengelak dari mengambil minuman berkafein, mengelakkan makanan berlemak dan mengurangkan pengambilan minuman beralkohol.

Selain itu, penulis mencadangkan rawatan perubatan untuk mengurangkan kekerapan dan kemungkinan strok, kegagalan jantung, kegagalan ginjal dan tahap penyakit koronari. Terdapat enam jenis ubat-ubatan yang boleh digunakan untuk merendahkan tekanan darah antaranya diuretik, penyekat beta, penyekat terusan kalsium, perencat ACE, Penyekat Reseptor *Angiotensin II* atau *Angiotensin II Receptor Blockers (ARBs)* dan penyekat alfa.

Pada pendapat pengulas, buku ini sangat sesuai untuk semua golongan pembaca untuk mengetahui lebih mendalam mengenai punca-punca dan langkah mengawal tekanan darah tinggi.

Pengulas:

Nurul Athika Binti Ahmad Amimar
Penolong Pengarah
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



BADRUL HISHAM MOHD
YUSOFF
Anak Muda Bebas Hutang
Batu Caves, Selangor :
Publishing House Sendirian
Berhad, 2019.
ISBN 978-967-481-228-7

ULASAN

Buku berjudul Anak Muda Bebas Hutang naskhah tulisan Dr. Haji Badrul Hisham Mohd Yusoff ini amat bersesuaian dengan tajuk yang diberikan. Buku ini bukan sahaja untuk golongan muda khususnya supaya bebas dari belunggu hutang namun turut menyediakan perkongsian menyeluruh tentang pengurusan kewangan dengan cemerlang. Tema yang dipilih oleh penulis ini adalah mengenai pengurusan kewangan dan motif utama penulis adalah untuk membantu dan mengelakkan golongan muda diisytiharkan mufliis.

Penulis berkongsi tip, teknik, nota dan perkongsian pengalaman untuk golongan muda khususnya dengan gambar rajah dan jadual yang ringkas serta interaktif. Kandungan buku ini mudah diserap dan difahami dengan jelas oleh pembaca daripada pelbagai peringkat umur. Penulisan turut disertakan dengan sumber daripada ayat Al-Quran dan hadis yang membolehkan pembaca mengaitkan

sesuatu topik itu dengan perspektif Islam. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas difahami tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan.

Penulis membuktikan bahawa golongan pemuda dan graduan merupakan golongan yang banyak diisytiharkan mufliis disebabkan oleh kegagalan dalam mengawal kewangan dan kekurangan pendidikan serta perancangan kewangan yang baik. Ini dapat dibuktikan melalui rekod Jabatan Insolvensi Malaysia dalam tempoh 2012 hingga September 2016. Pengurusan kewangan yang baik amat diperlukan oleh golongan muda bagi mengelakkan terjebak dengan kadar hutang yang serius.

Antara tarikan buku ini juga ada dikaitkan dengan unsur keagamaan dan kerohanian di mana hakikat kebahagiaan sebenar adalah terletak di hati bukannya terletak pada kekayaan dan harta yang banyak kerana harta itu cuma alat dan bahagia adalah matlamat. Kemewahan dan kekayaan yang diberikan sepatutnya disyukuri dengan menambahkan lagi amalan sunat seperti bersedekah dan berkongsi rezeki dengan orang lain.

Penulis berkongsi pengalaman bagaimana untuk merancang kewangan yang baik dengan menyertakan tip-tip mudah untuk membebaskan diri dari hutang. Permulaan simpanan dana kecemasan diperlukan bagi menghadapi perkara-perkara di luar jangkaan. Simpanan bulanan harus dibuat secara tetap bagi menambah simpanan dan elakkan dari berbelanja kepada kenderaan mewah atau pun pakaian berjenama. Pembaca turut diajar langkah-langkah menabung bagi meningkatkan simpanan dan membeli aset seperti rumah dan membuat pelaburan.

Teknik-teknik penyimpanan turut dikongsikan oleh penulis bagi mengelakkan perbelanjaan di luar kawalan. Simpanan boleh dibuat secara terus setiap bulan ke dalam akaun Tabung Haji ataupun Amanah Saham Bumiputera (ASB) sambil menjana dividen untuk perbelanjaan tahunan seperti cukai pintu, cukai jalan, yuran tahunan persekolahan anak dan perbelanjaan melancong. Penulis mengingatkan pembaca mengenai tabung persaraan yang perlu disediakan bagi menghadapi hari tua. Sekiranya perbelanjaan bulanan tidak mencukupi dengan

pendapatan yang diperoleh, pembaca disarankan mencari alternatif sumber pendapatan kedua dan ketiga.

Pada pendapat pengulas, bab 5 “Bebas Hutang” merupakan antara bab yang penting untuk disentuh kerana di sinilah terletaknya segala rumusan bagi menguruskan kewangan bagi mengelakkan belunggu hutang jahat. Setiap orang perlu kembali kepada ajaran agama di mana perlu memohon rezeki yang baik dan halal, sentiasa rajin mencari rezeki, tidak bersifat lemah dan putus asa, rajin berusaha dan mencuba perkara yang baharu, bersifat pemurah dan suka bersedekah, belajar dari kesilapan dan bebaskan diri dari hutang jahat dan tekanan manusia.


Kaedah *snowball* merupakan kaedah menyelesaikan baki hutang tanpa stress di mana penekanan bagi menyelesaikan baki hutang yang paling sikit dahulu. Pembayaran semua hutang dilaksanakan pada kadar minima dan menyelesaikan hutang yang paling kecil dahulu. Hutang disusun daripada nilai baki terkecil sehingga nilai baki terbesar. Kaedah ini dapat membantu kita lebih bertenaga bagi menyelesaikan hutang. Ini kerana kita akan lebih bermotivasi melihat satu persatu hutang toksik dapat diselesaikan. Contoh dan cara pengiraan terperinci juga turut diberikan oleh penulis.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca agar memulakan langkah pertama bagi mengelakkan hutang untuk membaca buku ini. Buku ini juga tidak berbentuk pengurusan kewangan semata-mata tetapi mengandungi teknik-teknik pengiraan perbelanjaan dan kaedah membuat hutang baik bagi menambah aset bagi persediaan masa datang. Penulis turut menyokong tip-tip yang diberikan dengan merujuk beberapa sumber ilmiah bagi menguatkan fakta-fakta yang diberikan dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan diceritakan menggunakan kaedah tip dan kaedah yang senang difahami.

Pengulas:

Rosliza Binti Ismail
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



RUZAINI SULAIMAN @ ABD. RAHIM
RADHIAH ISMAIL
ROSYIDAH MUHAMAD
Perahu Tradisional
Warisan Seni Pesisir Terengganu
Kuala Nerus, Terengganu: Penerbit UMT,
Universiti Malaysia Terengganu, 2019.
ISBN 978-967-2200-87-1

ULASAN

Perahu tradisional Terengganu pernah menjadi medium pengangkutan bagi rakyat Terengganu suatu ketika dahulu. Kedudukan geografinya yang berdekatan dengan negara-negara jiran seperti China, Thailand, Indonesia dan Gugusan Kepulauan Melayu menyebabkan sungai telah menjadi jalan perhubungan yang penting sebelum pembangunan jalan darat seperti yang ada pada masa kini. Kepentingan perahu pada masa dahulu telah mencetuskan idea dan ilham dalam kalangan masyarakat setempat, khususnya dalam pembuatan perahu tradisional. Keunikan yang ada pada perahu tradisional ini juga telah menarik minat peminat dari dalam dan luar negara.

Buku ini adalah hasil penyelidikan yang bertujuan untuk mengetahui perkembangan perahu tradisional Terengganu yang dulu pernah sebagai pengangkutan air yang penting bagi rakyat di negeri itu. Buku ini terbahagi kepada lima (5) bab yang merangkumi perbandingan perahu dahulu dan sekarang, jenis-jenis perahu, asas dan hiasan pada perahu tradisional, seni

pertukangan, proses penyiapan dan pengantarabangsaan perahu dan mengenai cabaran kepada permintaan serta penggunaan perahu tradisional Terengganu.

Penulis membawa pembaca untuk mengimbau kembali zaman penggunaan perahu pada zaman dahulu yang dinyatakan dengan penceritaan mengenai perahu tradisional pada masa dahulu kepada masyarakat di muara sungai dan pesisir Terengganu pada setiap bab. Penulis juga menyatakan secara jelas pada setiap bab dengan menyertakan gambar-gambar untuk memudahkan pemahaman dan penyampaian maklumat kepada pembaca. Gambar-gambar adalah dari hasil penyelidikan mereka, juga ihsan dari agensi kerajaan yang berkaitan. Gambar-gambar juga mempunyai keterangan gambar yang menerangkan aktiviti yang berlaku di dalam gambar.

Pada pendapat pengulas, bab dua (2) dan tiga (3) antara yang akan menarik perhatian pembaca. Bab dua (2) menyatakan jenis-jenis perahu yang menjelaskan keunikan ciptaan hasil seni pertukangan. Perahu tradisional ini juga memiliki sejarahnya yang tersendiri. Perahu Sekoci adalah hadiah daripada Raja Siam, *King Chulalongkorn* pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Perahu itu digunakan untuk membawa utusan Diraja Siam. Begitu juga dengan Perahu Jalora yang pernah membawa Allahyarham Perdana Menteri Malaysia yang pertama, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa kempen pilihan raya umum pada tahun 1959.

Bab tiga (3) pula menitikberatkan tentang asas dan hiasan yang ada pada perahu tradisional. Terdapat beberapa perkara asas yang perlu ada, iaitu bangau, okok, caping, linggi dan badan perahu. Gabungan daripada asas-asas ini dan hiasan yang ada dalam bentuk ukiran dan lukisan inilah yang menghasilkan perahu yang menarik. Ukiran yang terdapat pada perahu juga daripada mempunyai pengaruh Hindu-Buddha, Islam, *figure* tokoh-tokoh wayang kulit dan juga pengaruh dari

negara Thailand. Lukisan yang terdapat pada perahu mengambil inspirasi dari flora dan fauna.


Sumber penghasilan buku ini adalah dari dua (2) kaedah. Pertama, penulisan melakukan kajian kepustakaan dengan merujuk dokumen-dokumen dan koleksi gambar dari Arkib Negara Malaysia dan juga Muzium Negeri Terengganu. Kedua, penulis pergi melakukan kerja lapangan dalam dua bentuk, pertama melalui pemerhatian secara langsung ke atas objek-objek kajian yang terdapat di beberapa lokasi bersejarah di negeri Terengganu. Kedua, temu bual secara langsung dengan tukang-tukang berpengalaman dalam pembinaan perahu. Sumber-sumber inilah yang menguatkan lagi fakta-fakta yang terdapat di dalam buku ini.

Hasil penyelidikan dalam bentuk bercetak ini disasarkan kepada para pengkaji, pelajar dan peminat warisan seni Melayu. Buku ini juga sesuai dibaca oleh golongan dewasa yang ingin mengenali seni perahu tradisional Terengganu.

Pengulas:

Mavis Viviena Anak Alvin Morris
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM A.
BADARUDDIN
**Tragedi Berdarah di Christchurch: All Black
Berdarah Menangani Persepsi Islamifobia**
Selangor: Mashi Publication Sdn. Bhd., 2019.
ISBN: 9789672107675

ULASAN

Buku bertajuk "*Tragedi berdarah di Christchurch: All Black Berdarah Menangani Persepsi Islamifobia*" merupakan ulasan secara terperinci mengenai antara persepsi dan realiti tragedi berdarah di Christchurch dan isu-isu yang timbul rentetan daripada kejadian tersebut. Buku ini dihasilkan bertujuan untuk menerangkan lebih lanjut mengenai Islamifobia dan menangani persepsi Islamifobia yang dikaitkan dengan kejadian serangan tembakan rambang didua (2) buah masjid berasingan yang melibatkan ramai mangsa yang terkorban dan cedera.

Pengisian yang diselitkan menerusi penulisan buku ini sedikit sebanyak bakal membuka mata dan hati pembaca untuk mengubah cara pemikiran yang lebih terbuka mengenai Islamifobia. Usaha penerbitan ini sangat memberi manfaat untuk menangani Islamifobia sekaligus memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat. Kandungan buku ini banyak memberi persepsi dan realiti sebenar kepada pembaca supaya mengambil iktibar daripada tragedi berdarah yang berlaku dengan mengaitkan dengan isu Islamifobia.

Buku ini juga telah menyetengahkan isu berkaitan dengan persepsi dan realiti Islamifobia. Buku ini juga mengandungi panduan dan kesedaran untuk menangani kepada permasalahan yang timbul berkaitan isu Islamifobia. Terdapat sebanyak 16 tajuk berkaitan yang terkandung dalam buku ini yang membincangkan tentang Islamifobia meliputi semua isu-isu yang dikaitkan dengan proses Islamisasi dan tahap kefahaman Islam dalam kalangan bukan Islam. Selain itu, buku ini adalah bertujuan memberi pengetahuan kepada masyarakat supaya lebih peka dan berkesedaran tinggi terhadap cabaran dan sejarah Islamifobia.

Penulis menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan kepada pembaca khususnya yang beragama Islam. Turut dimuatkan juga kisah-kisah keluarga dan para sahabat Nabi dan Rasul untuk memberikan pengajaran dan renungan kepada pembaca mengenai cara menghadapi hinaan, ejekan, tekanan, salah faham dan pandangan buruk tentang Islam.

Melalui buku ini, penulis juga menerangkan secara ringkas kepada masyarakat mengenai punca berlakunya salah faham terhadap Islam, lima (5) persepsi yang salah mengenai Islam, waspada pada Gerakan Anti Islam, kebencian terhadap Islam dan pejuang Islam serta menyatakan empat (4) negara yang sangat Anti Islam supaya masyarakat dapat mengambil hikmah untuk membantu menangani Islamifobia dan mengelakkan tragedi berdarah berulang lagi.

Buku ini bukan sahaja menyentuh aspek isu Islamifobia malah lebih kepada cara menangani Islamifobia dengan memberi penekanan prinsip dan pandangan Islam menerusi panduan mencontohi Rasulullah SAW menyantuni masyarakat bukan Islam dan pendekatan dakwah terhadap bukan Islam.

Pengulas:

Nurharlizani Binti Razami
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



A.FAIZ SALBINI
**Menyingkap Tabir Misteri Ilmu Falak :Rahsia
Allah di Langit dan di Bumi**
Petaling Jaya, Selangor: Hijjaz Records
Publishing, 2018.
ISBN 9789675391798

ULASAN

Ilmu Falak adalah ilmu pengetahuan mengenai peredaran benda-benda di langit, khususnya bumi, bulan dan matahari. Ilmu Falak ini juga telah dipelopori oleh ilmuwan Islam terdahulu yang memberi manfaat kepada seluruh umat manusia. Ilmu pengetahuan bintang-bintang dan kedudukannya juga sangat penting terutamanya dalam menentukan arah kiblat, menentukan waktu solat, menentukan awal bulan hijriah dan menentukan gerhana matahari dan juga bulan.

Buku berjudul *Menyingkap Tabir Misteri Ilmu Falak :Rahsia Allah di Langit dan di Bumi* karangan A.Faiz Salbini ini bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini memberi pengetahuan kepada ilmu falak atau lebih dikenali ilmu astronomi. Ianya memberikan kefahaman secara asas tentang objek yang ada di langit dan angkasa lepas. Ia juga menghuraikan maklumat ini dengan baik dan mengaitkannya dengan ajaran Islam itu sendiri.

Penulis menyampaikan maklumat ini dalam bentuk penulisan yang ringkas dan disertakan sekali kepingan gambar yang menarik bagi memudahkan lagi pembaca untuk memahami perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Penggunaan bahasa di dalam buku ini juga mudah dan jelas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan. Penulis juga menyokong fakta-fakta dan penulisannya dengan menggunakan ayat Al-Quran serta Hadis yang berkaitan dengan topik yang disampaikan. Selain itu, penulis juga merujuk beberapa artikel di surat khabar dan beberapa bahan bacaan lain di internet bagi mengukuhkan lagi fakta dan huraianya.

Antara perkara yang menarik di dalam buku ini adalah penceritaan berkenaan langit dan juga pembahagiannya. Menurut penulis, langit didefinisikan sebagai ruang yang terdapat di atas bumi yang kelihatan biru dan melingkungi bumi. Penulis juga mengelaskan pembahagian langit zahir dan juga ghaib. Lapisan atmosfera yang terdiri daripada troposfera, ozonosfera, stratosfera, mesosfera, ionosfera, termosfera dan ekzosfera diklasifikasikan sebagai langit zahir, manakala langit yang dilihat dan dilalui oleh Nabi Muhammad SAW ketika peristiwa Israk dan Mikraj diklasifikasikan sebagai langit ghaib.

Buku ini amat bermanfaat kepada pembaca yang mempunyai minat berkaitan dengan alam semesta atau pun benda-benda di angkasa lepas, buku ini sangat tepat untuk dipilih sebagai bahan bacaan. Buku ini juga menjelaskan tentang perbezaan antara bintang dan planet dari segi maksudnya serta ciri-cirinya secara ringkas. Selain itu, buku ini juga menceritakan bagaimana alam semesta ini terbentuk melalui teori *big bang* atau teori letusan besar yang ditemukan oleh Georges Lemaitre pada tahun 1927.

Buku ini juga menceritakan tentang ahli astronomi Islam seperti Al-Biruni, Al-Jazari dan Ibnu Al-Syatir yang telah menghasilkan pelbagai karya dan penulisan dalam ilmu astronomi dan telah memberi sumbangan besar dalam perkembangan ilmu falak atau ilmu astronomi itu sendiri.

Pada pendapat pengulas, Bab 6 iaitu penemuan baharu astronomi merupakan antara bab yang terpenting dalam perkembangan ilmu falak ini. Di dalam bab ini juga menjelaskan berkenaan penemuan planet baharu yang ciri-ciri dan sifatnya menyerupai bumi. Penemuan ini menggemparkan para ahli astronomi yang menjanjikan potensi menemui kehidupan di luar sistem suria bumi ini. Selain itu, penemuan planet gergasi oleh ahli astronomi Amerika juga amat penting. Pelbagai usaha bagi menghasilkan teleskop berkuasa tinggi dibangunkan bagi mengesan planet gergasi ini yang juga dikenali sebagai Planet Sembilan.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati ilmu pengetahuan berkaitan dengan bintang, planet, bumi dan langit untuk membaca buku ini yang menyajikan pelbagai maklumat menarik yang dihimpunkan di dalam sebuah buku.

Pengulas:


Khairul Anwar Bin Ismail

Pustakawan

Unit Perpustakaan

Hospital Pulau Pinang

ULASAN BUKU



Kompilasi Dialog Antara Penganut Agama YaPEIM 2013-2016. Kuala Lumpur, Akademi Pengurusan YaPEIM, 2017.
ISBN 9789671226247

ULASAN

Malaysia merupakan negara yang diwakili pelbagai kaum yang berlainan bangsa dan agama. Ini membuatkan Malaysia unik di mata dunia. Malaysia diwakili oleh kaum Melayu yang menganuti agama Islam, manakala kaum Cina dan India serta kaum etnik-etnik yang lain memilih menganuti agama Buddha dan Kristian sebagai pegangan mereka. Kepelbagaian ini menjadi keistimewaan yang tidak terhingga yang seharusnya dipelihara oleh rakyat Malaysia. Namun, kita tidak mampu lari dari isu-isu yang berbangkit, yang kadangkala membawa reaksi negatif yang disebabkan kepelbagaian agama ini.

Buku Kompilasi Dialog antara Penganut Agama YaPEIM: 2013-2016 ini menyingkap input-input yang bermanfaat dari setiap wakil penganut agama yang berlainan dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat Malaysia. Buku ini merangkumi pelbagai topik yang menjadi tema bagi setiap forum dialog yang diadakan dari tahun 2013 hingga tahun 2016 yang melibatkan wakil dari setiap penganut agama iaitu, wakil Agama Islam, wakil Agama Buddha

dan juga wakil Agama Kristian. Mereka ini memberikan pandangan yang positif dalam setiap isu-isu yang berkaitan dalam mengekalkan keamanan dan perpaduan melalui agama masing-masing.

Penyusun buku ini telah menyusun forum dialog ini secara kronologi, bermula dari tahun 2013 sehingga tahun 2016. Setiap tahun juga membawa tema yang berbeza dan juga pandangan berbeza dari setiap wakil agama. Buku ini juga mengandungi soalan-soalan yang dibangkitkan oleh peserta forum dialog ini di mana jawapan diberikan secara menyeluruh dari setiap wakil agama masing-masing. Di sini kita dapat melihat perspektif berbeza namun masih bermanfaat untuk kita ikuti.

Antara isi yang dapat menarik perhatian pembaca ialah intipati dialog yang diadakan pada tahun 2015 yang menyetengahkan isu perpaduan dalam masyarakat majmuk dari perspektif agama-agama. Mewujudkan masyarakat yang mempunyai perpaduan mengalami kesukaran disebabkan masyarakat yang berlainan kaum dan agama. Namun, wakil-wakil agama ini telah menunjukkan bahawa perpaduan ini dapat dicapai seperti apa yang telah termaktub dalam kitab-kitab suci yang dianuti mereka. Mereka menggariskan garis panduan yang sesuai diamalkan oleh setiap masyarakat majmuk di Malaysia. Buku ini turut menggariskan isu-isu dari segi sosioekonomi dalam memelihara sensitiviti agama.

Kompilasi forum dialog ini turut menggambarkan bahawa tiada isu yang tidak dapat diselesaikan walaupun kita berlainan kaum dan berlainan agama. Buku ini digarap secara menyeluruh pandangan dan saranan yang baik dari setiap wakil agama secara positif serta boleh dihayati oleh semua kaum.

Pada pendapat pengulas, Dialog Antara Agama 2016 Siri 1 sangat penting untuk dihayati pembaca kerana isu yang dibangkitkan iaitu "memelihara sensitiviti


agama asas perpaduan dan keharmonian negara” sangat dekat dengan apa yang dihadapi di Malaysia sekarang ini. Pelbagai isu mengenai sensitiviti agama sering dibangkitkan dan sangat membimbangkan. Topik ini mampu menyedarkan kita bahawa isu itu boleh diselesaikan dengan baik dan kita perlu menghormati antara satu sama lain agar keharmonian kaum dan agama dapat dikekalkan sehingga ke akhirnya.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai pandangan dan nasihat dari wakil agama yang berbilang kaum untuk membaca buku ini. Buku ini sesuai dihayati oleh remaja, orang dewasa dan mereka yang membuat kajian mengenai perpaduan serta perihal keagamaan.

Pengulas:

Fatin Athirah Binti Masnoor
Penolong Pengarah (Pustakawan)
Unit Perpustakaan
Hospital Kuala Lumpur (HKL).

ULASAN BUKU



DANIYAL KADIR
Membedah P.Ramlee
Bandar Baru Bangi, Selangor: DuBook
Press Sdn Bhd, 2016.
ISBN 9789670723419

ULASAN

P. Ramlee, satu nama yang sangat besar dalam industri perfileman dan hiburan pada suatu ketika dahulu malahan masih malar segar sehingga kini. Sebut sahaja nama, filem, lagu-lagunya semua generasi, peringkat dan kaum mengenali siapa beliau. Namanya cukup terkenal dan kehebatan, perjuangan dan pemikiran yang dilontarkan begitu kritis dan sinis sangat dikagumi. Menulis mengenai seorang figura sehebat P.Ramlee memerlukan banyak penelitian yang cukup mendalam.

Buku berjudul Membedah P. Ramlee karya Daniyal Kadir adalah sebuah naskhah yang tampak seperti santai namun kupasannya telah digarap dengan menarik dan ringkas sementelah penulis bukan mahu memperkenalkan biografi seniman agung yang sememangnya diketahui oleh semua masyarakat, negara mahupun dunia. Penulis meletakkan dirinya sebagai seorang peminat yang ingin berkongsi pandangan dan pengalaman peribadinya mengenai filem- filem P.Ramlee. dan disampaikan dalam bahasa yang sangat mudah untuk difahami.

Di dalam buku ini penulis telah memilih filem-filem yang telah diarah dan dilakonkan oleh P.Ramlee ketika berada di *Malay Film Production* (MFP) bermula dengan filem *Penarek Becha* sehingga ke *Tiga Abdul* yang pembaca sedia maklum memiliki nilai pemikiran yang tajam, matlamat pembikinan yang lebih jelas dan kritikan yang lebih hebat. Pembaca akan merasakan setiap dialog yang dilontarkan di dalam setiap arahan dan lakonan P.Ramlee mempunyai maksud yang tersirat. Penulis ingin berkongsi pandangan beliau apakah filem-filem P.Ramlee mempunyai maksud atau sekadar hiburan ringan.

Terdapat lima belas buah filem yang penulis tonton dan kesemuanya diakui pengulas sangat terkenal dari dahulu sehingga sekarang dan stesen televisyen masih tetap menayangkannya walau tidak terhitung ulang tayangnya namun masyarakat masih tidak jemu untuk menontonnya. Antaranya adalah *Semerah Padi*, *Ibu Mertuaku* dan *Tiga Abdul*. Penulis memberikan pandangannya bermula daripada pembukaan sesebuah filem. Kemudian penulis beralih kepada props, lontaran dialog, kamera di mana pembaca dapat memahami cara seorang seniman yang teliti dalam setiap gerak kerjanya.

Pada pendapat pengulas, filem P.Ramlee banyak memaparkan kritikan terhadap golongan feodal iaitu golongan kaya atau atasan. Antara filem tersebut adalah *Antara Dua Darjat*, *Sumpahan Orang Minyak*, *Ibu Mertuaku* dan *Penarek Becha*. Ini melihatkan keberanian P.Ramlee dalam terutamanya dalam mengkritik golongan terbabit agar tidak berterusan melakukan penindasan terhadap yang lemah. Beliau mengkritik sambil mendidik bagaimana mencari jalan keluar yang akhirnya yang lemah bangkit dan melawan mereka yang menindas. Pembaca juga dapat memahami bagaimana penulis menelaah setiap karakter sebagai contoh watak Haji Bakhil yang selama ini kita hanya ketawa melihat sindiran beliau terhadap Labu dan Labi sebagai lambang kepada agama dan nafsu.

P.Ramlee juga tidak kering idea dalam mengarah filem jenaka yang bersahaja namun penuh kritikan sosial yang tajam. Antara filem beliau yang disukai pengulas adalah *Ali Baba dan Empat Puluh Penyamun*. Kisah ini telah berjaya

disampaikan sebagai sebuah parodi kehidupan. Gambaran paparan kehidupan di sebuah negeri diberi nama Baghdad, pelbagai perkara negatif diamalkan secara terbuka contoh penjualan hamba dan pemerdagangan orang. Undang-undang dan peraturan di kota ini semuanya pelik. Sindiran tajam P.Ramlee ialah apabila candu dan ganja boleh dijual secara terbuka, tetapi belacan terpaksa dijual secara senyap. Ini dapat dilihat semasa babak antara Marjina dan penjual belacan. Kritikan tajam ini ditujukan kepada penguatkuasaan undang-undang pada ketika itu yang mungkin dilihat P.Ramlee berdepan masalah. Pelbagai babak yang menarik yang apabila dikaji banyak mengkritik pihak-pihak tertentu.

Di dalam filem ini juga, 40 penyamun ini diandaikan seperti sebuah kerajaan yang memiliki disiplin, teratur dan pentadbiran yang sistematik walaupun hakikatnya penyamun. Persis sebuah kerajaan yang dapat dilihat di mana-mana di seluruh dunia. Sindiran dan kritikan yang dikeluarkan memerlukan proses penghadaman yang bijak sesuai untuk kita fahami maksud dan tujuannya. Ali Baba Bujang Lapok sememangnya mempunyai kelasnya yang tersendiri.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati P.Ramlee, buku ini sangat sesuai untuk kita kaji dan kenal dengan lebih mendalam siapa P.Ramlee itu sendiri. Pengulas membuat kesimpulan bahawa P.Ramlee seorang yang suka membaca, seorang pemikir dan peka dengan keadaan sekeliling. Banyak yang beliau ceritakan mengenai sesuatu isu, beliau zahirkan dalam sebuah lakonan yang sememangnya mantap dan indah. Pengulas sendiri dapat merasakan hebatnya figura bernama P.Ramlee melalui buku ini yang sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

Pengulas:


Nor Azizah Binti Sabihin

Penolong Pustakawan

Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE) Kg Sg

Kembong Hilir

ULASAN BUKU



HAYYA BILAL
Laki Aku Negro: Kau Peduli Apa?
Batu Caves, Selangor: Open Bridge
Publications, 2016.
ISBN 9789673693252

ULASAN

Perkataan Negro merujuk kepada orang berkulit hitam. Dikurniakan kulit hitam adalah tidak salah tetapi kesedaran masyarakat terhadap hakikat kehidupan, kebahagiaan, perkahwinan, nilai-nilai kekeluargaan, nilai-nilai universal yang perlu diutamakan dahulu agar dapat memadamkan kewujudan perbezaan, sempadan, batasan dan kata-kata mengguris hati bagi kehidupan pasangan yang memilih untuk perkahwinan campur. Pengalaman penulis mendirikan rumahtangga bersama pasangan lebih daripada 20 tahun akan membuka mata pembaca hakikat kehidupan sebenar bersuamikan bangsa asing yang digelar Negro.

Buku berjudul Laki Aku Negro: Kau Peduli Apa? karangan Dr. Hayya Bilal ini benar-benar bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini tidak berkisar tentang perkahwinan dan keluarga mereka semata-mata, tetapi juga menjelaskan tentang rasis dalam kalangan masyarakat yang sukar dikikis dan masih tebal berbangga dengan bangsa sendiri. Keindahan negara Kenya yang kaya dengan

sumber alam semulajadi dan adat budaya tradisi yang diamalkan oleh keluarga mertuanya turut digarap oleh penulis. Garis panduan bagi wanita Malaysia yang ingin bersuamikan lelaki asing juga dinyatakan dengan terperinci dalam buku ini sebagai panduan.

Penulis menyampaikan kisah laki aku Negro ini dalam bentuk sebuah buku catatan. Oleh sebab itu, pembaca dapat lebih memahami dan mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas serta terdapat sedikit percampuran perkataan di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Kenya. Walaupun berbentuk buku catatan, penulis turut menyokong setiap peristiwa dengan fakta-fakta, statistik dan ilustrasi yang terperinci.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah bab penyesuaian diri apabila berkahwin dengan warga asing. Buku ini mengetengahkan pelbagai persoalan dan masalah seperti mazhab yang dianuti, penceraian, campur tangan orang ketiga, masalah visa dan keengganan isteri mengikut suami ke negara asal yang akan mengganggu gugat sesebuah perkahwinan itu. Pesan penulis, sekiranya pembaca buku ini jatuh hati kepada warga asing agar berfikir terlebih dahulu dan terus berfikir serta berdoa kepada Allah SWT. Kasihi diri dan keluarga dahulu dan jangan menjadi gadis murahan.

Buku ini memberi ruang kepada pembaca yang meminati kisah pengembaraan. Buku ini juga menceritakan mengenai keindahan negara Kenya. Kisahnya bermula dari persiapan di Malaysia ke Nairobi sarat dengan tip yang bermanfaat kepada pembaca. Antara yang menarik untuk diketahui adalah mengenai fesyen, sambutan Tahun Kacang, Kikomba dan Mitumba, menu pisang lenyek (matokay), My Mukadday dan yang paling hebat di sinilah terletaknya garisan khatulistiwa dan salah satu punca air Sungai Nil di Mesir. Hebatkan?.

Buku ini bukan merupakan buku novel percintaan. Ia adalah sebuah kisah hidup realiti di antara Dr. Hayya Bilal dan suaminya yang berlainan bangsa. Berlatarbelakang pendidikan tinggi dan pengalaman yang ada, beliau telah

dijemput untuk menyampaikan ucapan di sebuah forum bagi mewakili negara Malaysia. Forum tersebut adalah mengenai “Women in Malaysia: What You Can Learn From Malaysia” yang mengetengahkan lima (5) musuh utama iaitu buta huruf, pergantungan, salah faham terhadap Ajaran Islam, “Backwardness of Culture” dan “Personality Problems” dalam kalangan wanita. Rentetan daripada forum tersebut, nama beliau mula dikenali di negara benua Afrika itu.

Penulis menggambarkan orang Negro sebenarnya adalah sama sahaja dengan mirip orang Malaysia. Disebabkan mereka berkulit gelap atau coklat, bermata sepet dan berambut kerinting menyebabkan perbezaan itu wujud. Pada pandangan penulis wajah mirip kita mungkin berada di Afrika, China, Jepun, Britain, Peru, Brazil dan Uruguay kerana orang tua-tua pernah berkata ada tujuh (7) wajah mirip kita mungkin.

Pada pendapat pengulas, Bab 4 iaitu “balik kampung” dan Bab 7 “Deep” adalah paling menarik untuk dihayati dengan mendalam. Balik kampung merupakan satu perkara wajib bagi perantau di kotaraya, begitu juga dengan kisah penulis ini. Perbelanjaan yang perlu diperuntukkan adalah sebanyak RM50,000.00 bagi enam (6) orang ahli keluarga untuk pulang ke kampung halaman suaminya. Kos yang perlu difikirkan apabila mengahwini warga asing. Ubat-ubatan juga perlu dititikberatkan kerana kita tidak tahu kemudahan yang ada adalah sama dengan tanah air sendiri. Hospital Kandang Kambing yang dinyatakan di dalam buku ini amat daif tetapi itulah satu-satunya peluang yang ada. Gerakan agama juga hebat dijalankan terutama oleh golongan (BAC) “Born Again Christian” melalui kajian kegemaran dan cara hidup penduduk tempatan. Tidak dapat dinafikan melalui catatan ini, hiburan memainkan peranan yang sangat hebat sebagai medium menyebarkan agama. Persediaan dalam dan luaran diri perlu utuh bagi menghadapi perbezaan sosial budaya yang sangat ketara.

Di dalam Bab 7, penulis menekankan bahawa kesan penjajahan menyebabkan manusia hilang jati diri dan menjadikan penjajah bangsa hebat. Di Malaysia dan Afrika sama sahaja di mana kesan penjajah masih ada hingga ke hari ini malah berakar umbi dan berparut. Menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa

rasmī bukannya bahasa ibunda adalah tidak wajar. Kehidupan masyarakatnya yang kebaratan menenggelamkan nilai-nilai budaya yang harus dipertahankan serta kelumpuhan sistem politik dan ekonomi juga mengakibatkan lumpuhnya nilai kemasyarakatan di dalam sesebuah negara. Rasuah berleluasa menjadikan negara pincang dan lemah. Berdasarkan catatan penulis, adalah wajar setiap warganegara Malaysia memperkukuhkan jati diri agar terus menjadi bangsa yang merdeka dan bertaqwa.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati kisah benar, pengembaraan dan sarat pengajaran untuk membaca buku ini. Buku ini juga tidak berbentuk fiksyen semata-mata kerana penulis menulis sendiri pengalaman beliau bagi menguatkan fakta-fakta yang diberikan dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan diceritakan menggunakan kaedah cerita dan dialog.

Pengulas:


Noor Hasmayani Binti Ali

Penolong Pustakawan

Perpustakaan Desa Zon B03, Selangor

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHAMMAD ALI HASHIM
**Jangan Salah Pilih Kiblat Kejayaan: Strategi Jihad
Bisnes**
Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2016.
ISBN 9789673882069

ULASAN

Jihad Bisnes merupakan sebuah penulisan yang menggunakan pendekatan yang tegas dan jelas dalam prinsip perniagaan berteraskan Islam yang sememangnya dikemudi oleh usahawan Melayu bagi menjana kekayaan ummah. Pelbagai tujuan yang cuba digarapkan oleh penulis untuk menyuntik kesedaran mengenai peri penting berniaga dengan strategi yang berkiblatkan Islam dan bukannya Barat yang penuh kerakusan. *"Bisnes bukan sekadar mencari keuntungan tetapi bisnes adalah suatu jihad!"* Prinsip tersebut adalah prinsip yang kerap kali dizahirkan oleh Tan Sri Muhammad Ali Hashim selaku penulis buku yang juga merupakan seorang tokoh usahawan negara dan tokoh usahawan Melayu-Islam yang tidak boleh disangkal kewibawaan dan kredibilitinya dalam bidang keusahawanan.

Pelbagai topik dikupas di dalam penulisan ini misalnya penyakit '*Westoxication*'

yang lebih disifatkan sebagai wabak kerakusan yang menyebabkan ketidakadilan dan kezaliman berleluasa akibat terlalu lama menciplak amalan bisnes Kapitalis Barat yang lebih berbentuk penindasan.

Oleh yang demikian, penulisan ini sangat sesuai untuk dijadikan panduan kepada semua usahawan Islam agar tidak salah untuk menentukan *nawaitu* dalam perniagaan mereka. Hal ini kerana penulis dengan jelas menekankan agar usahawan Islam berjihad bisnes melalui pendekatan Fi Sabilillah serta penekanan kepada transformasi politik sebagai pra syarat untuk memperkasakan ekonomi.

Selain itu, penulis juga cuba meniup semangat mengenai keupayaan masyarakat Melayu dalam perniagaan serta cuba mentransformasikan nilai budaya Melayu dalam memperkasakan Jihad Bisnes. Buktinya, umat bangsa Melayu dan Islam digesa untuk segera membina keupayaan bisnes dan menghimpun kekuatan korporat untuk tempoh jangka panjang. Di samping itu, faktor kritikal untuk menang (*critical success factors*) juga digarapkan di dalam penulisan ini. Antaranya, menggalakkan masyarakat Melayu bertindak dengan kaedah berstrategi, membanteras sumber utama yang merupakan kelemahan dalaman dan membentuk institusi lestari.

Justeru itu, penulisan ini juga turut menjuruskan persoalan Waqaf dalam perniagaan. Tujuannya bagi merapatkan semula jurang bagi golongan kaya dan golongan miskin melalui Waqaf Korporat. Melaluinya juga mampu membentuk masyarakat Melayu-Islam “lari” daripada meletakkan kebergantungan hidup bangsa melayu kepada bangsa lain serta menegakkan keadilan sosial disamping menyah kemiskinan yang menghimpit bangsa Melayu.

Penulis telah memperkukuhkan penulisan ini, iaitu Program Memperkasa Ekonomi Bumiputera atau MEB turut diulas dan Misi 70 Peratus Perkasa Ekonomi Melayu turut diterangkan sebab dan alasan mengapa perlu 70 Peratus sedangkan jumlah penduduk Bumiputera Malaysia lebih rendah daripada itu? Jawapan kepada persoalan ini adalah MEB harus menepati aspirasi nasional tanpa mengenyepikan mana-mana pihak. Oleh

yang demikian, sasaran 70 Peratus inklusif warga miskin berpendapatan rendah untuk semua kaum dan keturunan termasuk golongan Cina dan India miskin yang wajar turut mendapat pembelaan dan ia juga penting untuk psikologi Melayu. Seterusnya, bagi meningkatkan ekonomi umat Islam, usahawan Islam juga digesa untuk memerangi sistem penswastaan dan liberalisasi dengan pelbagai hujah yang dilontarkan melalui penulisan ini misalnya isu *Malaysia Airline System (MAS)* yang terpaksa menghadapi kemerosotan prestasi setelah penswastaan berbanding prestasi semasa di bawah GLC atau milik kerajaan. Begitu juga *Johor Corporation* yang mana penjualan saham majoriti DRealty membawa implikasi yang sangat besar bukan hanya kepada JCorp, malah terhadap peranan masa depan semua GLC amanah. *Government-Linked Companies (GLC)* juga turut terkesan dan Malaysia tiada pilihan selain menyusun semula strategi bagi mengatasi ancaman negatif rejim **Perjanjian Perdagangan Persahabatan Trans-Pasifik (TPPA)** dengan cara mentransformasikan GLC menjadi Waqaf Korporat daripada dijajah semula oleh gergasi MNC yang bersifat global agresif, liar dan buas demi masa depan GLC.

Penulis menitiberatkan bahawa Waqaf Korporat adalah sebuah institusi yang hanya dijayakan atas perkenan dan naungan Raja-Raja Melayu. Penubuhannya adalah merupakan salah satu daripada enam (6) Usul Dewan Perundangan Islam Malaysia (DPIM) kepada kerajaan yg diutarakan pada tahun 2009 sebagai agenda transformasi Model Baru Ekonomi. Wakaf Korporat juga berupaya membela masyarakat miskin, marhaen, tercicir dan terketepi akibat kederasan arus sistem ekonomi kapitalis yang terlalu memihak kepada golongan swasta kaya-raja. Oleh yang demikian, Waqaf Korporat adalah medium yang paling sesuai untuk menjalankan jihad bisnes.

Selain itu, Jihad Bisnes juga dilihat mampu membentuk tamadun dan membentuk *entrepreneur* muslim pembentuk ekonomi. Di samping itu, memperjuangkan ekonomi khalifah untuk semua yang mampu memanfaatkan transformasi muslim untuk berjihad dalam perniagaan berlandaskan Islam.


Penulis menzahirkan bahawa sesungguhnya konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat sekiranya dilaksanakan dengan gigih, gagah dan berkesan dalam jangka masa panjang

sangat berpotensi besar untuk menyumbang kepada usaha memperkasakan ekonomi khalifah dan membangunkan tamadun manusia mengikut acuan Islam berlandaskan kaedah yang juga sangat relevan untuk mengatasi cabaran hidup insan pada abad ke-21 dan alaf baru.

Pengulas:

Nor Shaharina Binti Abdul Rahman
Penolong Pustakawan
Perpustakaan Desa Zon 6
Negeri Perak


SINOPSIS BUKU



DATO' DR. MOHD FADZILAH
KAMSAH & FADZLI YUSOF
55 Petua Orang Berjaya
Batu Caves, Selangor: PTS
Publishing House., 2018.
ISBN: 9789674811334

Buku ini adalah himpunan idea-idea kejayaan yang dikongsi oleh insan-insan yang berjaya. Ia merangkumi petua-petua yang diamalkan oleh mereka yang berjaya menguruskan hidup sehingga mendaki puncak kecemerlangan dan keunggulan. Terdapat 55 petua dipetik dan dikongsikan daripada pelbagai sumber termasuk daripada Al-Quran dan hadis, sejarah, tokoh-tokoh antarabangsa, tokoh-tokoh tanah air dan lain-lain. Buku ini sudah memadai untuk pembaca yang inginkan satu perubahan dalam hidup. Petua-petua ini merangkumi beberapa aspek seperti aspek membina diri dalam pengurusan hidup, aspek pengurusan masa dan pengurusan kerja. Di samping itu, buku ini juga dapat memberikan semangat baru dalam pengurusan hidup seperti mengurus masa, dorongan bekerja, mengatasi penangguhan kerja, teknik-teknik bekerja, mengagihkan tugas, bekerja dalam pasukan, berkomunikasi, bermesyuarat, dan meningkatkan konsentrasi. Buku ini mengetengahkan jalan singkat untuk berjaya dengan mengikut cara yang betul.


SINOPSIS BUKU



HIDIR ALI RAZALI
Di Sebalik Tirai Layar
Ampang, Selangor: Patriot
Publication., 2018.
ISBN: 9789671539453

Di Sebalik Tirai Layar merupakan buku berkaitan filem di Malaysia. Buku ini memfokuskan di sebalik tabir filem-filem Melayu klasik yang menjadi sejarah penting dalam sejarah filem di Malaysia. Filem merupakan wadah di dalam menyampaikan makna, menentukan agenda, menyebarkan propaganda, menabur benci, membakar semangat, membaja kasih dan membenih rasa cinta. Kandungan yang terdapat dalam buku ini menceritakan tentang kehebatan dan kepentingan filem. Ia menyingkap kembali sejarah perfileman negara, jatuh dan banggunya berlatar belakangkan dunia perang serta hiruk-pikuk politik. Sejarah dan tokoh-tokoh filem Melayu klasik yang pernah mengharumkan nama Negara iaitu Tan Sri P. Ramlee menjadi tonggak utama dalam buku ini.


SINOPSIS BUKU



KHAIRUL JAMAIN
Bertuhan Di Jalanan
Shah Alam, Selangor: Write &
Brave Sdn. Bhd., 2018
ISBN: 9789671597217

Buku ini berkonsepkan anekdot di mana penulis menulis setiap perkara dan cerita yang pernah dilaluinya sepanjang pengembaraan beliau di serata dunia. Bukan sahaja mengembara tetapi penulis melakukan kerja-kerja aktivis di luar negara dan menghayati keindahan dunia. Penulis menegaskan jika ingin belajar di atas pentas dunia, belajarlh dari alam, daripada sehelai rumput atau setitis embun, maka mengembaralah. Mengembara boleh membuatkan seseorang akan berfikiran kritis dan terbuka. Buku ini menyajikan kisah dan falsafah cinta seorang pengembara yang tenggelam di dalam sekolah kehidupannya. Pengalaman penulis mengembara di denai kecil dan lebuh raya besar, di segenap ceruk kampung dan juga negara dikisahkan dengan jujur tanpa selindung. Terdapat juga kisah cinta, sedih dan lucu diselang-seli dengan kisah termalu sendiri. Buku ini adalah himpunan anekdot seorang pengembara di dalam menjiwai kehidupannya dan mengenal penciptanya dengan *Bertuhan Di Jalanan*.

SINOPSIS BUKU




**DATO' DR. MOHD
FADZILAH KAMSAH &
AHMAD NAIM JAAFAR**
**Tip Menjadi Individu
Menarik**

Batu Caves, Selangor:
PTS Publishing House
Sdn. Bhd., 2018
ISBN: 9789674812119

Buku ini adalah sebagai panduan iaitu tip untuk menjadi seorang individu yang menarik. Terdapat banyak tip yang dikongsikan oleh penulis berkaitan bagaimana hendak menjadi individu yang menarik kepada semua golongan masyarakat tidak kira pangkat. Setiap orang yang berjaya itu pasti ada tip atau teknik yang menjadikan mereka berjaya dan menarik. Kandungan buku ini merangkumi etika-etika yang perlu kita patuhi untuk menjadi individu yang menarik. Selain itu, ia bukan sahaja tip untuk menjadi individu menarik, malah buku ini juga mengandungi panduan dan motivasi kepada seseorang yang mahu berubah daripada tidak yakin kepada seseorang berkeyakinan dan mampu menarik semua orang. Gaya bahasa buku ini sangat santai dan mudah difahami. Sesuai untuk semua golongan masyarakat yang mahukan tarikan yang positif dalam diri.


SINOPSIS BUKU



HARITH FAISAL
Nota Kewangan Sentap
Petaling Jaya, Selangor: Galeri
Ilmu Sdn. Bhd., 2018.
ISBN: 9789830977362

Buku ini merupakan panduan kepada kita dalam menguruskan kewangan dengan teratur dan efisien terutama kepada anak muda. Terdapat tip-tip dan panduan yang sangat berguna dalam pengurusan kewangan yang patut dicontohi oleh anak muda terutamanya graduan universiti. Tip yang dikongsikan sangat bagus dan berkesan untuk menjamin masa depan. Pengurusan kewangan yang bermula dari awal bekerja amat digalakkan kerana kita tidak tahu apa akan terjadi pada masa depan. Pengurusan kewangan yang efisien dan sistematik akan menjadikan segala urusan akan menjadi mudah dan tiada isu yang timbul nanti. Selain itu, buku ini juga mengandungi motivasi yang boleh membuatkan seseorang itu mahu berubah daripada boros kepada berjimat dalam berbelanja. Ia juga dihasilkan khas untuk anak muda dan digarap secara santai, sentap dan sempoi untuk anak muda yang sedang mencari jalan memiliki rumah pertama, hala tuju kewangan dan kehidupan yang lebih baik.

SINOPSIS BUKU



WAHID OMAR
**Universiti Cemerlang: Menjana
Kesejahteraan Sejagat**
Johor Bahru, Johor: Universiti
Teknologi Malaysia, 2018.
ISBN: 9789835215186

Judul buku ini dipilih atas dasar menghubungkan falsafah UTM yang mengungkapkan dengan jelas bahawa usaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan melalui penerokaan ilmu dan pendidikan tinggi. Akhirnya falsafah UTM bermatlamat demi membina kehidupan yang makmur dan sejahtera bagi masyarakat sejagat. Penulis juga menekankan bahawa pendidikan tinggi merupakan tunjang utama dalam agenda pembangunan negara. Perkara ini menepati hasrat untuk membina masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran dengan kesempurnaan nilai-nilai keinsanan. Bidang pendidikan menyumbang kepada peradaban manusia yang inklusif. Selain itu, buku ini juga menjelaskan bahawa pendidikan mesti seiring dengan falsafah yang sarat dengan nilai-nilai ketuhanan dan keinsanan bagi menunjangi pembangunan kemanusiaan yang holistik.

SINOPSIS BUKU



RUZAINI SULAIMAN @ ABD
RAHIM, KAMARUZAMAN
YUSOFF

**Etnik Cina : Asal Sengsara
Kini Selesa**

Terengganu: Penerbit UMT,
Universiti Malaysia
Terengganu, 2019.
ISBN: 9789672200819

Impian menyediakan kehidupan yang lebih baik dan selesa untuk ahli keluarga telah menjadi pendorong kuat kepada etnik Cina bertindak berhijrah keluar dari negara China dengan meredah lautan yang luas sehingga mereka dikenali sebagai *Lords of the Rim*. Mereka mencuba nasib dengan berdepan dua kemungkinan sama ada memperoleh kejayaan dalam hidupnya sehingga tercapai impian mereka atau berdepan dengan kegagalan demi kegagalan. Tanggungjawab yang digalas dengan menempuh perjalanan berbahaya di lautan dan berdepan dengan pelbagai kesengsaraan di negara yang dihijrah bukanlah untuk dirinya sendiri tetapi untuk keluarga tercinta. Semangat untuk mengumpul kekayaan di awal perpindahan mereka ke Tanah Melayu telah menyuntik motivasi kepada etnik Cina untuk menerima apa sahaja jenis pekerjaan dari pengangkut najis sehinggalah kepada penglibatan mereka dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Buku ini amat menarik untuk dikongsi bersama, bukan bertujuan untuk diskriminasi atau perkauman tetapi satu titipan sejarah yang penting untuk dikongsi bersama.

SINOPSIS BUKU



H.Y.S. SANTOSA
GIRIWIJOYO / DIKDIK
ZAFAR SIDIK
Ilmu Fisiologi Sukan
Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan & Buku
Malaysia, 2019.
ISBN: 9789674607975

Kegagalan dalam memahami teori Fisiologi Sukan akan menghasilkan konsep yang salah, lalu mengakibatkan amalan yang salah, sehingga boleh mengakibatkan bahaya bahkan kematian. Oleh sebab itu, fakta dalam fisiologi dan teori yang berkembang daripadanya perlu difahami dan dihayati dengan mendalam supaya tidak berlaku kesilapan dalam aplikasi atau penerapannya.

Fisiologi Sukan ialah asas untuk ilmu kejurulatihan. Tanpa pengetahuan fisiologi sukan, pelaksanaan kejurulatihan akan menjadi tidak ilmiah, iaitu dilakukan tanpa berlandaskan ilmu yang betul. Selepas membaca buku yang padat dengan penjelasan tentang fisiologi sukan ini, pelajar/pembaca sepatutnya dapat memahami teori dan konsep fisiologi sukan yang diperlukan, supaya dapat mengamalkannya dengan baik dan betul dalam tugas mereka sebagai atlet, guru Pendidikan Jasmani, atau jurulatih untuk sukan kompetitif. Salah satu bahan bacaan yang perlu dikongsi bersama untuk penambahan ilmu pengetahuan berterusan berkenaan kejurulatihan dan kesukanan. Bahan bacaan yang amat menarik untuk dibaca kerana pelbagai ilmu pengetahuan berkenaan bidang berkaitan dikongsi bersama.

SINOPSIS BUKU

ROHINGYA



BANTU ATAU BANTAI?

Penyunting:
MUHAMMAD FAISAL ABDUL AZIZ




Rohingya : Bantu Atau Bantai?

Kuala Lumpur: Global
Peace Mission (GPM)
Malaysia, 2018
ISBN: 9789672158110

Buku "*Rohingya: Bantu atau Bantai?*" ini adalah sebuah buku yang diusahakan penerbitannya oleh sekumpulan para aktivis yang peduli akan nasib umat yang ditindas, termasuklah memberikan penumpuan terhadap etnik Rohingya, iaitu etnik yang sering dipandang sebelah mata, bahkan tidak diambil peduli oleh kebanyakan orang. Walaupun PBB mengisytiharkan etnik ini sebagai "*the most persecuted ethnic in the world,*" persepsi sebahagian umat terhadap etnik Rohingya masih tidak berubah, berbeza sekali layanan yang diterima mereka berbanding layanan dan perhatian terhadap penduduk Syria, Palestin dan lain-lain. Buku "*Rohingya: Bantu atau Bantai?*" ini diterbitkan untuk memberi kesedaran dan pencerahan tentang etnik ini, bermula dari sejarah mereka dan kawasan yang mereka diami, menjawab salah faham terhadap mereka, kezaliman dan penindasan yang mereka alami. Buku ini juga mengungkapkan kesedaran agar perjuangan membela nasib mereka ini dapat diperluaskan kepada seluruh lapisan masyarakat dan akhirnya menyedarkan masyarakat bahawa, kita perlu bantu mereka, bukan membantai mereka!

SINOPSIS BUKU



A AZIZ DERAMAN
**Sosiobudaya Kelantan -
Patani**

Kota Bharu, Kelantan:
Pertubuhan Peradaban
Melayu Malaysia Kelantan
(PERADABAN), 2019
ISBN: 9789671687918

Sosiobudaya Kelantan–Patani memiliki banyak persamaan kerana berada di suatu wilayah geografi dan geobudaya yang sama. Keduanya ada pertalian sejarah dan budaya yang sangat akrab. Oleh itu, psikologi bangsa, pendidikan budaya, pembinaan dan pengembangan sosiobudaya termasuk gerakan intelektualisme, bahasa dan kesenian perlu diletakkan dalam konteks keperluan zaman yang dilakukan secara berterusan, hatta dalam strategi dan pendekatan yang berhikmah termasuk penguasaan teknologi. Wilayah-wilayah ini merupakan gabungan lambang kegemilangan peradaban Melayu-Islam timur laut sudah wujud berabad lamanya.

Buku ini terdiri daripada dua bahagian. Pertamanya membincangkan gagasan isu dan cabaran sosiobudaya. Manakala bahagian kedua membicarakan secara terpeinci hala tuju bahasa Melayu di Thailand.

SINOPSIS BUKU



DR. MUHAMMAD YUSRY
AFFANDY

**Hamka : Permata Tafsir Bumi
Nusantara**

Batu Caves, Selangor: PTS
Publishing House Sdn. Bhd.,
2019.

ISBN: 9789674812645

Iman tanpa ilmu bagaikan lentera di tangan bayi. Namun, ilmu tanpa iman bagaikan lentera di tangan pencuri. Sebuah buku yang melihat secara teliti biografi Hamka sebagai ahli tafsir dan juga keunikan tafsir Al-Quran versi Hamka. Para pembaca dapat mengenali ketokohan Hamka sebagai ahli tafsir terkemuka dengan lebih dekat lagi menerusi buku ini. Kehebatan Hamka dalam lapangan tafsir Al-Quran membuktikan bahawa warga nusantara turut menyumbang kepada peradaban ilmu yang tinggi dalam ilmu tafsir yang lazimnya didominasi mufassirin dalam kalangan ilmuan Timur Tengah.

“Saya tidak pernah dendam kepada orang yang pernah menyakiti saya. Dendam itu termasuk dosa. Selama 2 tahun 4 bulan saya ditahan, saya merasa itu semua merupakan anugerah yang tiada terhingga dari Allah SWT kepada saya, sehingga saya dapat menyelesaikan kitab tafsir Al-Quran 30 juz. Bila bukan dalam tahanan, tidak mungkin ada waktu saya untuk menyelesaikan pekerjaan itu”. - HAMKA

SINOPSIS BUKU




100 Fakta Muhammad : Fakta-Fakta Menarik Manusia Paling Agung / Penyusun Mu'allim Hazar

Batu Caves, Selangor: Ideaz Creative House, 2019.
ISBN: 9789671601334

Telah banyak bahan-bahan bacaan yang mengetengahkan tentang manusia paling agung – Muhammad SAW dikongsi bersama para pembaca. Keperibadian, kemuliaan, tingkahlaku, akhlak dan perwatakan telah menjadi ikutan dan pedoman umat Islam. Menariknya buku ini adalah susunan padat yang diketengahkan amat mudah difahami. Bagaimanakah fizikal Rasulullah SAW ?, Apakah warna-warna kegemaran Rasulullah SAW ?, Apakah perang-perang yang disertai Rasulullah SAW ?, – telah disusun dengan begitu baik dan teratur. Fakta ringkas yang bertujuan untuk berkongsi dengan para pembaca di luar sana berkenaan dengan keperibadian Nabi Muhammad SAW yang maha agung dalam kalangan umat Islam.

SINOPSIS BUKU




AMRULLAH AMIR
NORDIN HUSSIN
**Pedagang Melayu di
Sulawesi Selatan : Identiti
dan Kuasa**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2019
ISBN: 9789834922597

Buku ini membincangkan sejarah masyarakat pedagang Melayu yang telah berhijrah dan menetap di bandar Pelabuhan Makassar serta bermastautin di beberapa wilayah Sulawesi Selatan sejak tahun 1600. Buku ini merupakan kajian sejarah yang dicerakinkan secara kronologi dan membahaskan sejarah dan perkembangan masyarakat pedagang Melayu di Sulawesi Selatan. Penulisan ini juga merupakan kajian rintis yang sebelum ini belum lagi dilakukan oleh para sarjana secara serius dengan penyelidikan secara mendalam dan membincangkan secara kritis terhadap dispora masyarakat pedagang Melayu di wilayah timur Dunia Melayu. Kehadiran masyarakat pedagang Melayu yang berasal dari persisir Selat Melaka, iaitu Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu telah membawa impak yang sangat besar terhadap sejarah sosial, ekonomi dan politik di kepulauan Sulawesi. Selain itu, kehadiran masyarakat pedagang Melayu juga telah menukar landskap struktur dan stratifikasi sosial masyarakat tempatan serta memberi impak dan perubahan yang besar kepada wilayah ini.


SINOPSIS BUKU



HALIM RAZALI
**Kereta Elektrik : Teknologi
Automotif Masa Depan**
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2019
ISBN: 9789834915506

Adakah anda salah seorang peminat teknologi hijau yang berkaitan dengan revolusi kereta? Sekiranya ya, anda perlu membaca buku ini sebagai satu daripada cabang ilmu moden yang perlu anda terokai dan fahami. Teknologi hijau yang dimaksudkan ialah kereta elektrik. Pembangunan kereta elektrik bersifat pencemaran sifar. Kereta ini mengaplikasikan kuasa motor elektrik untuk menghasilkan pergerakan. Bagaimana kereta elektrik beroperasi, jenis dan tenaga disimpan merupakan inti pati utama perbincangan dalam penulisan buku ini. Turut dibincangkan adalah, perkembangan teknologi PHEV (plug-in hybrid electric vehicles), BEV (battery electric vehicles) dan *Sel Fuel* yang merupakan perkara penting untuk diketahui dan difahami umum. Selain kereta elektrik, buku ini juga menyentuh mengenai satu lagi teknologi moden bersifat alternatif yang mengaplikasikan kaedah berbeza iaitu kereta hybrid yang telah menguasai pasaran tempatan terutamanya daripada syarikat pengeluar kereta global.


SINOPSIS BUKU



Teknologi Komputeran Generasi-Z
Bangi: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2019
ISBN: 9789674127183

Penulisan ini merangkumi himpunan artikel yang diterjemahkan daripada poster yang dipamerkan semasa Karnival Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia (K-Novasi P&P) 2017 dan 2018. Buku ini dihasilkan oleh pensyarah dan guru bahasa di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), UKM khususnya yang menyertai K-Novasi P&P 2017 dan 2018. Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk berkongsi pengalaman dan hasil kajian yang telah dijalankan untuk mengetengahkan pelbagai isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Buku ini terbahagi kepada dua tema, iaitu Pengukuhan Pembelajaran Komputeran dalam Pendidikan 4.0 dan Pendekatan Pembelajaran Komputeran Generasi-Z. Dalam tema pertama, terdapat lima tajuk yang menjelaskan strategi yang digunakan sebagai pengukuhan pembelajaran bidang komputeran dan tema kedua pula merangkumi enam tajuk yang melaporkan mengenai hasil kajian berkenaan pendekatan pembelajaran bidang komputeran yang digunakan dalam menangani gaya pembelajaran para pelajar generasi masa kini iaitu Generasi-Z.

SINOPSIS BUKU



Inovasi Rumah Lestari
Bangi: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2019
ISBN: 9789674127923

Buku ini mengandungi enam komponen penting pembelajaran berkonsepkan kepada kelestarian dan ilmu STEM. Pengasingan sisa pepejal dan amalan 3R rumah lestari secara tidak langsung akan memperkenalkan kepada pelajar tentang tanggungjawab setiap isi rumah untuk mengurangkan seminum mungkin sisa pepejal yang dihasilkan di rumah melalui konsep sisa sifar. Kaedah proses pengomposan dilakukan dan cara mikroorganisma aerobik menguraikan bahan tersebut turut dikongsikan untuk mempraktikkan amalan lestari sebagai salah satu aktiviti kehidupan di rumah. Selain itu, turut diterangkan mengenai teknologi pencerna biogas yang menggunakan bakteria anaerobik melalui proses penguraian metanogenesis telah memberi inovasi ilmu STEM daripada sisa organik untuk menghasilkan gas metana. Kombinasi enam komponen tersebut memberi cetusan inovasi ilmu gabungan kelestarian dan STEM bagi menjadikan rumah kediaman bercirikan kelestarian dan isi rumah yang mengamalkan gaya hidup yang lestari.

SINOPSIS BUKU



Passport Sukses Temuduga
Selangor: Training Cube
International Sdn. Bhd., 2019
ISBN: 9789671637609

Seiring dengan tajuk, buku ini mengandungi input-input yang dapat membantu pembaca dalam mengenalpasti dan bersedia untuk menghadiri sesi temuduga. Dewasa ini, ramai hanya menitikberatkan penyediaan *resume* yang bagus tanpa membuat persediaan bagi menghadapi temuduga. Kesemua inisiatif di dalam buku ini pernah dikongsikan dan diaplikasikan oleh ribuan peserta program untuk persiapan temu duga yang pernah penerbit kendalikan. Buku ini juga mempunyai isi kandungan yang tersusun dan komprehensif, namun ditulis dan diserikan dengan ilustrasi serta infografik yang ringan dan menyegarkan. Buku ini juga menjadi lebih istimewa kerana ia ditulis dengan tujuan menjadi passport yang membuka minda pembaca terhadap sesi temu duga.

SINOPSIS BUKU




AHMAD IQRAM MOHAMAD
NOOR

**Karut! : Apabila Iman
Sekadar Teka-Teka**

Selangor: PTS Publications &
Distributors Sdn. Bhd., 2019
ISBN: 9789674812706

Karya ini membincangkan sekitar keimanan yang dibina di atas sangkaan dan kekarutan namun diberi balutan Islamik sehingga boleh menjadi sebab kepada keruntuhan iman tanpa disedari. Buku yang mempunyai 14 bab ini banyak membahas sangkaan orang ramai terhadap perkara yang dianggap boleh menjadi penguat keimanan walhal perkara tersebut tidak memiliki sandaran dalam agama. Justeru itu, penulis mengemukakan perbincangan dan kaedah yang sepatutnya ada pada diri setiap muslim dalam menghadapi perkara sedemikian. Antara perkara menarik yang penulis bentangkan adalah contoh-contoh yang dekat dengan masyarakat Malaysia seperti obses terhadap perkara mistik dan kejadian aneh yang berlaku seperti kalimah Allah SWT di langit dan di buah-buahan, lalu perkara itu dianggap sebagai tanda kebesaran Allah SWT dan keredhaan Allah SWT. Secara dasarnya, melalui buku ini, dapat dilihat bagaimana penulis mengupas perkara-perkara yang berat tetapi tidak asing bagi masyarakat Malaysia dan beliau juga menekankan sikap beriman dengan perkara sedemikian adalah sikap beragama yang tidak sihat.


SINOPSIS BUKU



LT KOL DR. HJ. DAUD BIN HJ,
MOHAMED SALLEH
Rumahtangga Jannah
Kuala Lumpur: Sinar Media
Services, 2019.
ISBN 9789832806257

Buku ini mengandungi sebelas bab yang membicarakan topik keharmonian rumahtangga Jannah bagi pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga. Turut sesuai dibaca oleh pasangan suami isteri Islam yang telah berumahtangga. Buku ini memuatkan kefahaman erti perkahwinan, persiapan yang perlu dipenuhi oleh mereka termasuk proses peminangan hingga kepada berlangsungnya akad nikah. Badai dan ujian dalam perkahwinan merupakan rencah dalam kehidupan rumahtangga. Membina rumahtangga Jannah memberi maksud berusaha menjaga keharmonian rumahtangga sehingga membawa ke Jannah. Buku ini juga mendedahkan sisi romantik Rasulullah SAW terhadap isteri-isteri baginda yang jarang diketengahkan dalam buku-buku lain. Buku ini juga dilengkapi dengan himpunan doa yang dipetik dari Al-Quran yang boleh dijadikan panduan suami isteri dalam membina rumahtangga yang mawaddah warrahmah.


SINOPSIS BUKU



ABDUL RAZAQ AHMAD,
MOHD MAHZAN AWANG &
NORWALIZA ABDUL WAHAB
**Pembangunan Pendidikan
Orang Asli di Malaysia**
Bangi : Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2019.
ISBN 9789674128043

Buku ini berkisar mengenai pembangunan pendidikan Orang Asli di Malaysia secara ilmiah dan komprehensif. Ia ditulis berasaskan penyelidikan empirikal yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama penyelidik daripada Waikato Universiti, New Zealand dengan mengadaptasi Model Pembangunan Orang Maori GPILSEO di New Zealand. Penyelidik UKM melihat model pembangunan pendidikan Orang Asli di negara luar penting untuk difahami sebagai asas menilai keadaan pembangunan pendidikan Orang Asli di Malaysia. Aspek institusi dan kepimpinan dirungkai secara teliti bagi memberi pendedahan tentang kepentingan aspek tersebut kepada pembangunan pendidikan Orang Asli. Jangkaan untuk maju ke hadapan bagi pendidikan Orang Asli di Malaysia turut dimuatkan secara kritikal dan sesuai dijadikan rujukan oleh ahli akademik, pendidik, pelajar dalam bidang pendidikan, antropologi, sosiologi dan sejarah serta institusi penyelidikan pembangunan masyarakat.


SINOPSIS BUKU



SUHAIRI IBRAHIM & WAN
HASLINDAWANI WAN
MAHMOOD
Jantungku Nadiku
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2019.
ISBN 9789834920227

Penyakit jantung ialah satu daripada ribuan jenis penyakit yang terdapat di dunia. Serangan jantung antara penyakit yang paling digeruni kerana fitrah penyakit berkenaan biasanya membawa satu petanda buruk iaitu kematian. Serangan penyakit jantung ini bukan hanya tertumpu kepada golongan yang berumur sahaja, sebaliknya terdapat banyak kes serangan jantung berlaku kepada golongan muda tanpa mengira jantina dan bangsa. Apakah yang akan berlaku apabila jantung anda mulai terhenti? Mungkin anda berada pada ambang kematian dan selangkah lagi menuju alam yang lain. Bagaimana menangkis serangan jantung? Segalanya dirungkai dalam buku ini *Jantungku Nadiku* yang mengupas jenis dan tanda serta punca penyakit jantung. Isu yang dihuraikan merangkumi penyakit jantung yang berlaku kepada bayi atau kanak-kanak dan orang dewasa termasuklah mereka yang menghidap penyakit hipertensi, diabetes mellitus dan hiperkolesterolemia.


SINOPSIS BUKU



MOHD IZZAT AMSYAR MOHD
ARIF, RUZIAN MARKOM &
ASMA HAKIMAH AB. HALIM
Kontrak Muamalat Islam
Bangi, Selangor: Millenia Global
Resources, 2019.
ISBN 9789671682210

Fiqh muamalat merupakan suatu tatacara atau peraturan yang melibatkan bidang ekonomi dan sosial berlandaskan syariat Allah SWT dalam perhubungan sesama manusia untuk memenuhi keperluan dan hajat masing-masing dalam menjalani kehidupan seharian. Prinsip asas muamalat merupakan suatu pernyataan asas atau kebenaran umum yang dapat dijadikan garis rujukan am bagi setiap pemikiran dan gerak tindakan. Buku ini menjelaskan prinsip-prinsip asas muamalat sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam. Jenis-jenis kontrak muamalat termasuk definisi, rukun dan syarat sah serta aplikasinya dalam situasi semasa juga dibincangkan. Justeru, buku ini adalah bersesuaian untuk dijadikan bahan pembacaan oleh golongan awam khususnya bagi kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang ingin mengenali prinsip-rinsip dan asas-asas kontrak muamalat Islam.


SINOPSIS BUKU



NORZILA ZAKARIA & MOHD
NOOR MAMAT
**Kompilasi Komunikasi Dengan
Anak-Anak**
Pulau Pinang: Penerbit Universiti
Sains Malaysia, 2019.
ISBN 9789674613709

Buku ini merupakan kompilasi daripada halaman facebook dan blog norzilazakaria.blogspot.com. Ia adalah kisah komunikasi penulis dengan anak-anak mereka untuk siri kedua. Penulis memberikan perkongsian bagaimana mereka menanamkan keyakinan kepada Allah SWT dan melatih anak-anak mereka untuk melakukan ibadat seperti solat dan puasa sejak anak-anak kecil lagi. Penerangan mengapa perlu melakukan itu semua dijelaskan kepada anak-anak agar mereka faham bahawa semua perbuatan hanyalah untuk mencari redha Allah SWT. Tidak seperti buku lain yang hanya memfokuskan kepada teori sahaja. Buku ini menceritakan kisah yang berlaku dalam kehidupan seharian dan mengandungi dialog-dialog sebenar untuk memudahkan pemahaman yang boleh diamalkan. Buku ini ditulis dengan persembahan yang santai dan mudah difahami seolah-olah sebuah cerpen. Ia dapat menarik minat pembaca kerana menggambarkan seperti situasi sebenar.


SINOPSIS BUKU



Seni Tenun Johor
Johor: Yayasan Warisan Johor,
2017.
ISBN 9789832440567

Tekstil tergolong sebagai seni kraftangan yang dihasilkan oleh manusia bagi memenuhi kehidupannya. Melalui perkembangan sejarah dan budaya, penciptaan tekstil berkembang seiring dengan perkembangan kebudayaan sesuatu kelompok manusia. Tekstil tenunan di Alam Melayu turut tidak terlepas dari masalah tersebut yang melambangkan taraf ketamadunan bangsa Melayu. Buku ini merupakan hasil penyelidikan enam (6) orang penyelidik yang penuh dedikasi untuk mengetahui mengenai seni tenun Johor. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui di mana adanya kelompok masyarakat yang masih melakukan aktiviti tenunan kain khususnya yang dibuat secara tradisional di Malaysia iaitu Johor, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Sabah. Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan buat pencinta seni tenunan Melayu.


SINOPSIS BUKU



ZIKRULLAH ISMAIL
I'm a Backpacker: France
Selangor : Puteh Press, 2018.
ISBN 9789673693894

Buku ini berkaitan perkongsian pengalaman penulis melancong ke Paris. Penulis berkongsi sisi baru mengenai urbanisasi Paris yang kini mesra pelancongan. Penulis juga berkongsi tip-tip melancong berdasarkan pengalaman langsung. Buku ini boleh dijadikan sebagai rujukan perancangan terbaik untuk perjalanan ke Perancis dengan cita rasa *pengembaraan* masing-masing. Buku ini boleh memandu pembaca memilih kaedah melancong yang berbaloi dengan pelbagai pertimbangan untuk mencapai matlamat yang diharapkan. Sebahagian pelancong melawat Perancis untuk melihat perspektif dan keunikannya dan tidak kurang yang datang ingin menikmati kepelbagaian geografinya.


SINOPSIS BUKU



ZAKIR HUSIN
**Jeriji Besi: Biarkan Aku
Sengsara di Sini : 24 Libasan
Rotan, Banduan Ganas,
Seludup Dadah**
Selangor : Mohammed Zakir
Husin bin Mohammed Zahid,
2018.
ISBN 9789671538005

Buku ini mengisahkan pengalaman penulis yang pernah bertugas sebagai Penolong Penguasa Penjara, Jabatan Penjara Malaysia selama lebih tiga (3) tahun tersimpan kemas dalam memori lalu merakamkan ke dalam bentuk penulisan dalam 37 episod yang berlainan latar belakang tempat dan pengalaman. Buku ini sangat sesuai dibaca kerana keterlibatan organisasi luar berkongsi pengalaman antaranya, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Certified Trainer), *Certified CREDO Personality Profile* (Brain Dynamic Global), Duta Kenali Ubat Anda (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan Ahli Lembaga Pengurus Rumah Tunas Harapan Tengku Ampuan Rahimah, Kuala Selangor (JKM).


SINOPSIS BUKU



MOHAMAD HISYAM MOHD.
HASHIM
**Transisi Kerjaya Pendidikan Khas
Vokasional: Teori dan Amalan**
Batu Pahat, Johor : Penerbit UTHM,
2017.
ISBN 9789672110453

Buku ini ditulis sebagai panduan kepada para guru, keluarga, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan masyarakat mengenai pendekatan yang boleh digunakan dalam membantu MBPK yang menghadapi masalah pembelajaran bagi menentukan masa depan kerjaya dan kehidupan mereka. Buku yang telah disusun dengan kemas dan teratur ini, mengandungi bab yang sangat menarik tentang pengetahuan teoritikal dan amalan. Buku ini—terbit dari hasil penyelidikan, idea dan pengalaman penulis sendiri. Antara yang turut difokuskan adalah tentang tujuh (7) kaedah dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk MBPK MP iaitu persekolahan, perancangan berpusatkan murid, struktur program, kolaborasi bersama institusi pendidikan vokasional awam, swasta dan industri, penglibatan keluarga, perkembangan murid dan kesediaan pengalaman kerja murid.

SINOPSIS BUKU



FARRAH DINA YUSOP DAN ANA-PAULA CORREIA


Teaching Online Simplified: A Quick Guide For Instructors

Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 2018.

ISBN 9789831009482

The book is written based on the author's research-based experiences in consulting online instructors on what they require and also on—designing online courses. Authors also has interviewed a group of online students to study about the way all courses were conducted, and kind of improvements should be taken into consideration. This book is a much have resource for anyone involved in teaching online as its such as faculty members who want to convert his or her in-class course to an online format, and who are not necessarily familiar with current literature and or do have time to get acquainted with online teaching as its translates research based knowledge in online education into simple strategies that can be easily adopted by teachers practitioners.

SINOPSIS BUKU



DANNY WONG TZE-KEN, CHEONG
KEE CHEOK AND LEE KAM HING
**The Chinese Overseas in Malaysia in
an Era of Change**

Kuala Lumpur : University of Malaya
Press, 2018.

ISBN 9789674880125

A compilation of published papers on the political and economy of the Chinese overseas in Malaysia, it also pays tribute to the Prof. Lee Poh Ping, one of the papers' authors, for whom this community was an important part of his life's work. Although now overshadowed by the spectacular rise of China, their ancestral home and no longer lauded as creators of business networks, the Chinese overseas have remained important stakeholders in their host countries and key players in the internationalisation process. By analysing in detail remittance flows, their resilience to crises and recounting the stories of major personalities or families, this book shows that despite copious research, much about them remains to be explored.